


إِنَّمَا الدِّينُ النَّصِيحَةُ  
لِلَّهِ، وَلِرَسُولِهِ، وَلِكِتَابِهِ  
وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَاقِبَتِهِمْ



# NASIHAT

SEBAGAI KAEDAH DALAM HUBUNGAN ANTARA  
ULAMA', UMARA DAN UMMAH

Oleh:

S.S. Dato' Wan Zahidi Bin Wan Teh



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Cetakan Pertama 2006

ISBN 983-42855-1-5

Hak cipta terpelihara. Dibenarkan mencetak semula dengan tujuan edaran percuma (bukan komersil) dengan syarat tidak mengubah teks asal dan dinyatakan "Dicetak dengan ehsan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan"

Pengarang

S.S. Dato' Wan Zahidi bin Wan Teh

Diterbitkan oleh

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan,

Jabatan Perdana Menteri

## KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN.....	ii
<i>Pendahuluan</i> .....	iii
<i>Menegakkan Pemerintahan Adalah Satu Kewajipan Dan Ibadat Yang Besar</i> .....	1
<i>Martabat Pemerintah</i> .....	4
<i>Pemerintah: Antara Kebaikan Dan Keburukan</i> .....	10
<i>Kewajipan Taat Kepada Pemerintah</i> .....	13
<i>Kesahihan Pemerintah</i> .....	18
<i>Kepentingan Ulama' Dalam Pembentukan Ummah</i> .....	23
<i>Penutup</i> .....	27
<i>Rujukan (ثبت المراجع)</i> .....	28

## KATA-KATA ALUAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana akhirnya risalah kecil ini berjaya diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Risalah ini merupakan salah satu daripada kertas kerja yang pernah dibentangkan pada Multaqa Ulama Kebangsaan 2004.

Diharapkan risalah ini dapat membantu memberi kefahaman kepada masyarakat Islam tentang kewajipan taat kepada pemerintah selama perkara tersebut bukan perkara maksiat kepada Allah dan keperluan kepada kewujudan pemerintah supaya kedaulatan ummah sentiasa terpelihara.

Huraian dan penjelasan dalam risalah ini tidak lain hanya untuk memberi gambaran keutamaan nasihat sebagai kaedah yang terbaik untuk dipraktikkan setiap masa di kalangan ulama', umara' dan ummah dalam menjaga kepentingan agama juga menjamin kesejahteraan jamaah Muslimin.

Semoga kita semua mendapat manfaat daripada kefahaman yang diperolehi melalui risalah ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: "Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah kebaikan padanya, diberikannya kefahaman dalam agama".

Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh,

Mufti Wilayah Persekutuan,

Jabatan Perdana Menteri.

## Pendahuluan

Keperluan masyarakat manusia kepada wujudnya negara bagi mengatur kehidupan mereka telah digambarkan dengan jelas oleh Dr. Abdul 'Aziz 'Izzat al-Khayyat dalam bukunya *an-Nidham a-s-Siyasi fi al-Islam*:

الأصل في المجتمع أن يكون له دولة تُهَيِّم على شؤنه،  
وتدبر أمور حياته وشؤونها، وبدونها تكون الأمور فوضى،  
والحياة مضطربة، يأكل فيها القوي الضعيف ويظلم المتسلط  
المغلوب، ومن خصيصة البشر العدوان والظلم فإذا لم  
يكبح السلطان واليد القاهرة، لم يستقم للبشرية أمر، ولذلك  
اتفقت المجتمعات البشرية من أول شأنها في الحياة أن يقوم  
فرد منها يُعاوَن من المجتمع أفراد آخرون على تنظيم الأمور  
وسياسة المجتمع، مهما كان اسم هذا الحاكم المنصف مَلِكًا أو  
أميرًا أو شيخ قبيلة أو خليفة أو إمامًا.

**Maksud:** “Adalah menjadi keperluan asas bagi sesebuah masyarakat wujudnya pemerintahan yang menjaga hal ehwalnya serta mentadbir urusan kehidupan anggotanya. Tanpa negara, kehidupan manusia akan kucar-kacir, yang kuat menelan dan menguasai yang lemah dan tak berdaya. Ini memandangkan tabiat semulajadi manusia yang cenderung kepada permusuhan dan melakukan kezaliman. Jika tidak wujud kuasa dan tangan yang kuat membelanya, kehidupan manusia tidak akan terbela. Oleh yang demikian, seluruh masyarakat manusia sejak dari zaman awal lagi telah sepakat tentang perlunya wujud golongan yang menjalankan tugas pemerintahan daripada kalangan mereka, tanpa mengira apakah gelarannya, sama ada ianya Raja, Amir, Sheikh Kabilah, Khalifah atau Ketua Negara”.

Islam yang datang untuk mengatur kehidupan manusia sudah tentu tidak mengabaikan keperluan untuk menegakkan pemerintahan di kalangan umatnya. Menjelaskan hakikat ini, Dr. Abdul 'Aziz seterusnya menulis:

وَطَبِيعَةُ الْإِسْلَامِ تُوجِبُ إِقَامَةَ الدَّوْلَةِ وَتَفْرُضُهَا، لِأَنَّ الْإِسْلَامَ  
عَقِيدَةٌ وَخُلُقٌ وَقِيَمٌ، وَشَرِيعَةٌ مُحْكَمَةٌ عَادِلَةٌ ذَاتُ أَنْظِمَةٍ مُتَعَدِّدَةٍ  
تَحْكُمُ الْإِنْسَانَ فِي تَصَرُّفَاتِهِ وَمَعَامَلَاتِهِ وَعِلَاقَاتِهِ. وَلَا بَد  
لِتَنْفِيزِ هَذَا النِّظَامِ وَضَبْطِ أُمُورِ النَّاسِ مِنْ دَوْلَةٍ إِسْلَامِيَّةٍ

**Maksudnya:** “Sifat tabi’i ajaran Islam itu sendiri mengandungi tuntutan untuk menegakkan negara kerana Islam mengandungi ajaran tentang akidah, akhlak dan nilai-nilai yang murni serta syariat yang adil. Ia mengandungi berbagai-bagai peraturan yang mengatur kehidupan manusia dalam tindak-tanduknya, muamalat serta hubungan sesama mereka. Sudah tentu bagi melaksanakan peraturan tersebut dan mengatur urusan kehidupan manusia diperlukan sebuah negara Islam.”

## Menegakkan Pemerintahan Adalah Satu Kewajipan Dan Ibadat Yang Besar

Berpandukan kepada dalil-dalil yang banyak daripada al-Quran, al-Sunnah serta amalan para sahabat, para ulama telah memutuskan bahawa menegakkan pemerintahan adalah wajib ke atas masyarakat Islam dan merupakan satu ibadat yang besar dalam Islam. Berikut ialah petikan-petikan daripada tulisan para ulama dalam kitab-kitab mereka.

1. Al-Mawardi dalam ***al-Ahkam al-Sulthaniyyah*** menyatakan:

الإمامة موضوعة لخِلافة النبوة في حراسة الدين  
وسياسة الدنيا، وَعَقْدُهَا لِمَنْ يَقُومُ بِهَا فِي الْأُمَّةِ  
وَاجِبٌ بِالْإِجْمَاعِ...

**Maksudnya:** "Pemerintahan disyariatkan bagi menggantikan tugas kenabian dalam memelihara agama dan mentadbir urusan dunia umat Islam. Ijma' ulama' menetapkan bahawa melantik pemerintah yang mampu melaksanakan tanggungjawab pemerintahan di kalangan umat Islam adalah wajib hukumnya".

Al-Mawardi seterusnya menyatakan:

فَإِذَا ثَبَتَ وَجُوبُ الْإِمَامَةِ فَفَرَضَ عَلَيْهَا عَلَى الْكِفَايَةِ كَالْجِهَادِ  
وَوَطْلَبَ الْعِلْمَ...

**Maksudnya:** "Apabila telah terbukti kewajipan menegakkan pemerintahan maka hukumnya adalah fardu kifayah seperti kewajipan berjihad dan menuntut ilmu..."

2. Al-Imam Ibnu Taimiyyah dalam kitabnya ***al-Siyasah al-Syar'iyah*** menyatakan:

يَجِبُ أَنْ يُعْرَفَ أَنَّ وِلَايَةَ أَمْرِ النَّاسِ مِنْ أَعْظَمِ وَاجِبَاتِ الدِّينِ،  
بَلْ لَا قِيَامَ لِلدِّينِ إِلَّا بِهَا. فَإِنَّ بَنِي آدَمَ لَا تَتِمُّ مَصْلِحَتُهُمْ إِلَّا  
بِالْإِجْتِمَاعِ لِحَاجَةِ بَعْضِهِمْ إِلَى بَعْضٍ، وَلَا بُدَّ لَهُمْ عِنْدَ  
الْإِجْتِمَاعِ مِنْ رَأْسٍ حَتَّى قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا  
خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ"، فَأَوْجَبَ تَأْمِيرَ الْوَاحِدِ  
فِي الْإِجْتِمَاعِ الْقَلِيلِ الْعَارِضِ فِي السَّفَرِ تَنْبِيْهَا بِذَلِكَ عَلَى  
سَائِرِ أَنْوَاعِ الْإِجْتِمَاعِ. وَلِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَوْجَبَ الْأَمْرَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّهْيِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَا يَتِمُّ ذَلِكَ إِلَّا بِقُوَّةٍ وَإِمَارَةٍ.  
وَكَذَلِكَ سَائِرُ مَا أَوْجَبَهُ مِنَ الْجِهَادِ وَالْعَدْلِ وَإِقَامَةِ الْحُدُودِ لَا تَتِمُّ  
إِلَّا بِالْقُوَّةِ وَالْإِمَارَةِ. وَهَذَا رُوي، "أَنَّ السُّلْطَانَ ظَلُّهُ اللَّهُ فِي  
الْأَرْضِ". وَيَقَالُ: سِتُّونَ سَنَةً مِنْ إِمَامٍ جَائِرٍ أَصْلَحُ مِنْ لَيْلَةٍ بَلَا  
سُلْطَانَ". وَالتَّجْرِبَةُ تُبَيِّنُ ذَلِكَ. وَلِهَذَا كَانَ السُّلْفُ كَالْفُضَيْلِ  
بْنِ عِيَاضٍ وَأَحْمَدَ بْنِ حَنْبَلٍ وَغَيْرِهِمَا يَقُولُونَ: "لَوْ كَانَ لَنَا دَعْوَةٌ  
مُسْتَجَابَةٌ، لَدَعَوْنَا بِهَا لِلسُّلْطَانِ"

**Maksudnya:** "Wajib diketahui bahawa tanggungjawab memerintah adalah sebahagian daripada kewajipan agama yang paling besar, malah agama tidak dapat ditegakkan tanpa pemerintahan. Ini adalah kerana manusia perlu berkumpul dalam memenuhi keperluan hidup mereka dan dalam perkumpulan perlu ada ketua. Dalam hubungan ini, Rasulullah SAW bersabda (maksudnya):

"Dan apabila tiga orang keluar bermusafir, maka salah seorang daripadanya hendaklah dilantik menjadi ketua."



Rasulullah SAW dalam hadis ini mewajibkan adanya ketua dalam satu perhimpunan yang kecil sebagai peringatan tentang perlunya ketua dalam kehidupan umat Islam. Demikian juga, Allah SWT menuntut umat Islam melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran.

Kewajipan ini tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan kekuatan dan pemerintahan. Demikian juga kewajipan-kewajipan yang lain seperti berjihad, menegakkan keadilan, mengendalikan urusan haji, solat Jumaat, hari raya, membela orang yang dianiaya, melaksanakan hudud. Semuanya tidak dapat dilaksanakan tanpa ada kekuatan dan pemerintahan. Oleh yang demikian, terdapat riwayat daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya pemerintah adalah perlindungan Allah di muka bumi.”

Dan disebutkan:

enam puluh tahun di bawah pemerintahan yang zalim lebih baik daripada berada satu malam tanpa wujud pemerintahan.

Memandangkan hakikat ini, para ulama' salaf seperti **Fudail Bin 'Iyadh** dan **Ahmad Bin Hanbal** mengatakan:

“Jika kami memiliki satu doa yang mustajab, pasti kami akan doakan untuk pemerintah.”

“

## Martabat Pemerintah

Syeikh 'Abd as-Salam Bin Burjus ketika menghuraikan persoalan ini menyatakan dalam kitabnya **Mu'amalat al-Hukkam**:

أولو الأمر لهم مكانة عليّة منزلة رفيعة منحهم الشارع إياها  
ليتناسب قدرهم مع علو وظيفتهم ورفيع منصبهم وعظم  
مسؤوليتهم. فإن منصبهم منصب الإمامة إنما وُضع ليكون  
خلفاً للنبوة في حراسة الدين وسياسة الدنيا.

**Maksudnya:** "Golongan pemerintah dianugerahkan Allah menerusi syara' kedudukan dan martabat yang tinggi sesuai dengan darjat serta tanggungjawab besar lagi penting yang dipikul oleh mereka. Ini kerana jawatan pemerintah diwujudkan oleh syara' bagi mengambil alih tugas kenabian dalam memelihara agama dan mengatur kehidupan umat Islam."

Tentang keperluan menghormati golongan pemerintah, Ibnu Jama'ah dalam kitabnya **Tahrir al-Ahkam fi Tadbir Ahl al-Islam** menyatakan:

أن يعرف له عظيم حقه وما يجب من تعظيم قدره فيتعامل بما  
يجب له من الإحترام والاعظام وما جعل الله تعالى من  
الأعظام ولذلك كان العلماء الأعلام من أئمة الإسلام  
يُعظّمون حرمتهم ويُلَبُّون دعوتهم مع زهدهم وورعهم وعدم  
الطمع فيما لديهم وما يفعلُهُ بعضُ المنتسبين إلى الزهد من  
قلّة الأدب معهم فليس من السنة.

**Maksudnya:** “Hendaklah seseorang itu mengetahui hak pemerintah yang begitu besar dan kewajiban meninggikan martabatnya supaya dengan itu perhubungannya dengan pemerintah berjalan mengikut cara yang mulia dan terhormat seperti mana yang diwajibkan, serta sesuai dengan kebesaran yang ditentukan oleh Allah kepada mereka. Kerana itulah maka para ulama' terkemuka dari kalangan imam-imam meninggikan martabat mereka dan menerima jemputan para pemerintah, sekalipun mereka adalah orang-orang yang zuhud dan warak serta tidak ada keinginan untuk mendapat apa-apa habuan daripada pemerintah. Oleh itu, perlakuan-perlakuan kurang adab yang dilakukan oleh sesetengah orang yang menggolongkan diri mereka dalam kalangan orang-orang yang zuhud, bukanlah daripada amalan yang sesuai dengan al-Sunnah”.

Menurut Syeikh Khalid Bin 'Ali al-Anbari dalam **Fiqh as-Siyasah as-Syar'iyah**:

مما يدل رفيع منزلة أولى الأمر في الشرع المطهر – لا سيما  
إذا عدلوا – أن الله قرن طاعته سبحانه وطاعة رسول الله  
عليه وسلم بطاعتهم كما في آية الأُمراء . (يأيها الذين آمنوا  
أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم...  
النساء: ٥٩)

**Maksudnya:** “Antara dalil yang menunjukkan ketinggian martabat golongan pemerintah di sisi hukum syara' yang Maha Suci lebih-lebih lagi jika mereka adil – bahawa perintah taat kepada mereka datang seiring dengan perintah taat kepada Allah Ta'ala dan rasul-Nya seperti yang terdapat dalam ayat berkenaan golongan pemerintah (Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah rasul-Nya dan golongan pemerintah di kalangan kamu...an-Nisa':59)”

Pandangan para ulama' di atas bersendikan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya ayat umara' di atas dan ayat 251 Surah al-Baqarah:

... وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ لِلنَّاسِ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَفَسَدَتِ الْأَرْضُ وَلَكِنَّ  
اللَّهَ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْعَالَمِينَ

**Maksudnya:** "...dan kalaulah Allah tidak menolak setengah manusia (yang ingkar, derhaka dan melakukan keganasan) dengan setengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini; akan tetapi Allah sentiasa melimpah kurnia-Nya kepada sekalian alam."

Imam Abu Bakar al-Turtusyi ketika mentafsirkan ayat ini dalam kitabnya **Siraj al-Muluk:**

لَوْلَا أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَقَامَ السُّلْطَنَ فِي الْأَرْضِ يَدْفَعُ الْقَوِيَّ عَنِ الضَّعِيفِ وَيُنْصِفُ الْمَظْلُومَ عَنِ الظَّالِمِ لِأَهْلِكَ الْقَوِيُّ الضَّعِيفَ وَتَوَاتَبَ الْخَلْقُ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ فَلَا يَنْتَظِمُ لَهُمْ حَالٌ وَلَا يَسْتَقِرُّ لَهُمْ قَرَارٌ فَتَفْسَدُ الْأَرْضُ وَمِنْ عَلَيْهَا .

**Maksudnya:** "Seandainya Allah Ta'ala tidak menegakkan pemerintahan atas muka bumi untuk mempertahankan orang yang lemah daripada penindasan oleh orang yang kuat dan membela orang yang teraniaya daripada dizalimi oleh orang yang zalim maka sudah tentu yang kuat akan membinasakan yang lemah dan berlaku pencerobohan sesama manusia (tanpa pembelaan). Akibatnya kehidupan manusia menjadi kucar kacir dan ketenteraman akan hilang hingga membawa kepada kemusnahan kepada kehidupan manusia."

Imam al-Alusi dalam **Tafsir Ruh al-Ma'ani** menyatakan:

وفي هذا تنبيه على فضيلة الملك وأنه لو لاه ما استتب أمر العالم ولهذا قيل: الدِّينُ وَالْمَلِكُ تَوْأَمَانٌ فِي رِفَاعِ أَحَدِهِمَا

ارتفَاعُ الآخِرِ لِأَنَّ الدِّينَ أُسٌّ وَالْمَلِكُ حَارِسٌ وَمَا لَا أُسَّ لَهُ  
فَمَهْدُومٌ وَمَا لَا حَارِسَ لَهُ فَضَائِعٌ.

**Maksudnya:** “Ayat di atas merupakan peringatan tentang kelebihan pemerintahan dan hakikat bahawa jika pemerintahan tidak wujud, urusan-urusan dunia akan menjadi kucar-kacir. Dengan sebab itulah dikatakan: “Agama dan Raja dua perkara berkembar, jika salah satu terangkat, terangkatlah yang satu lagi. Agama laksana asas manakala Raja laksana pengawal. Sesuatu yang tidak ada asas akan runtuh dan sesuatu yang tidak ada pengawal akan lenyap.””

Selain daripada al-Quran, terdapat hadis-hadis yang menerangkan kedudukan waliyyu al-amri. Antaranya:

عَنْ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، فَمَنْ أَكْرَمَهُ  
أَكْرَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللَّهُ.

**Maksudnya:** “Abu Bakrah R.A berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Pemerintah adalah perlindungan Allah di bumi, maka sesiapa memuliakannya, Allah akan memuliakannya dan sesiapa yang menghينanya, Allah akan menghinanya””.

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

مَنْ أَكْرَمَ سُلْطَانَ اللَّهِ أَكْرَمَهُ اللَّهُ،  
وَمَنْ أَهَانَ سُلْطَانَ اللَّهِ أَهَانَهُ اللَّهُ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang memuliakan pemerintah (wakil kepada) Allah, Allah akan memuliakannya, sesiapa yang menghinakan pemerintah (wakil kepada) Allah, Allah akan menghinakannya.”

(Hadis riwayat al-Tarmizi dan Ahmad)

Menghuraikan maksud hadis di atas, Syeikh Khalid al-Anbari menyatakan:

وهذه الإضافة لإضافة تَشْرِيفٍ وَتَعْظِيمٍ، والمعنى: أَنَّ اللَّهَ يَدْفَعُ  
بِأَوْلِيَاءِ الْأُمُورِ الْأَذَى وَالظُّلْمَ عَنِ النَّاسِ كَمَا يَدْفَعُ بِالظِّلِّ الْأَذَى  
الْحُرُورِ الْقَيْظِ.

**Maksudnya:** “Menghubungkan pemerintah kepada nama Allah dalam hadis di atas membawa makna kemuliaan dan kebesaran. Pengertiannya bahawa Allah Ta’ala melindungi manusia daripada kezaliman dan kekejaman melalui pemerintah seperti mana Allah melindungi daripada panas matahari melalui lindungan bayang.”

عن حذيفة عن النبي صلى الله عليه وسلم: ما من قوم مشوا  
إلى سلطان الله ليذلوه إلا أذلهم الله قبل يوم القيامة

**Maksudnya:** “Daripada Huzairah R.A, dari Nabi SAW: “Mana-mana kumpulan manusia berarak menuju ke arah pemerintah (yang menjadi wakil kepada) Allah dengan tujuan menghinanya, pasti Allah akan hinakan mereka sebelum hari kiamat””

Berasaskan martabat dan kedudukan pemerintah yang begitu tinggi, Dr. Yahya Ismail dalam *Manhaj as-Sunnah fi al-'Alaqtī bayna al-Hakim wa al-Mahkum* menyatakan:

جَعَلَتِ السُّنَّةُ سَبَّهُ وَغَيْبَتَهُ كَبِيرَةً وَإِنْ كَانَ لَا حَدَّ فِيهَا

**Maksudnya:** “Dalil-dalil daripada sunnah membayangkan bahawa memaki dan mengumpat pemerintah adalah satu dosa besar sekalipun tidak dikenakan hukuman had.”

Antara dalilnya:

عن عمرو البكالي قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: إذا كان عليكم أمراء يأمرونكم بالصلاة والزكاة والجهاد فقد حرم عليكم سبهم وحل لكم خلفهم.

**Maksudnya:** "Amr al-Bukali R.A berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Jika kamu berada di bawah pemerintah-pemerintah yang menyuruh kamu mengerjakan solat, berzakat dan berjihad, maka haram bagi kamu memaki mereka dan halal bagi kamu mengikut mereka.""

(Hadis riwayat at-Thabrani)

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَسُبُّوا الْأَئِمَّةَ وَادْعُوا اللَّهَ لَهُمْ بِالصَّالِحِ فَإِنَّ صَلَاحَهُمْ لَكُمْ صَلَاحٌ

**Maksudnya:** "Abu Umamah al-Bahili R.A berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah kamu memaki para pemimpin kamu, (sebaliknya) doakan untuk mereka kebaikan kerana baiknya mereka akan membawa kebaikan bagi kamu"

(Hadis riwayat at-Tabrani)

Seterusnya sepotong hadis daripada Abu 'Ubaidah R.A:

عن أبي عبيده رضي الله عنه قال: لا تسبوا السلطان فإنه في أرض الله في أرضه

**Maksudnya:** "Abu 'Ubaidah R.A berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah kamu memaki pemerintah kerana mereka adalah perlindungan Allah SWT di bumi-Nya.""

## Pemerintah: Antara Kebaikan Dan Keburukan

Apabila kita memperkatakan mengenai kelebihan dan kebaikan pemerintah, persoalan yang timbul ialah: seiring dengan kebaikan tersebut wujud juga keburukan-keburukan seperti perbuatan zalim, fasik dan sebagainya yang sering berlaku di kalangan pemerintah.

Pada hakikatnya, ulama' Islam tidaklah terlepas pandang daripada membahaskan persoalan yang penting ini. Berikut ini beberapa hikmat yang dapat dipetik daripada tulisan mereka tentang persoalan ini:

Imam Abu Bakar al-Turtusyi menyebutkan dalam **Siraj al-Muluk** di m/s 202:

مثل مضارُّ السلطان في جنبٍ مَنافِعِهِ مِثْلُ الغَيْثِ الَّذِي هُوَ  
سُقِيَا اللهُ تَعَالَى وَبَرَكَاتِ السَّمَاءِ وَحَيَاةِ الأَرْضِ وَمَنْ عَلَيْهَا وَقَدْ  
يَتَأَذَى بِهِ الْمَسَافِرُ وَيَتَدَاعَى لَهُ الْبَنِيَانُ وَتَكُونُ فِيهِ الصَّوَاعِقُ  
وَتَدْرُسُ سَيُولُهُ فَتَهْلِكُ النَّاسُ وَالدَّوَّابُّ وَالذَّخَائِرُ وَيَمُوجُ لَهُ  
الْبَحْرُ فَتَشْتَدُّ بَلِيَّتُهُ عَلَى أَهْلِهِ وَلَا يَمْنَعُ ذَلِكَ الْخَلْقَ - إِذَا نَظَرُوا  
إِلَى آثَارِ رَحْمَةِ اللهِ تَعَالَى فِي الأَرْضِ الَّتِي أَحْيَا، وَالنَّبَاتِ الَّذِي  
أَخْرَجَ، وَالرِّزْقِ الَّذِي بَسَطَ وَالرَّحْمَةَ الَّتِي نَشَرَ - أَنْ يَعْظُمُوا  
نِعْمَةَ رَبِّهِمْ وَيَشْكُرُوهَا وَيُلْغُوا ذَكَرَ خَوَاصِّ الأَذِيَةِ الَّتِي دَخَلَتْ  
عَلَى خَوَاصِّ الْخَلْقِ .

**Maksudnya:** "Perbandingan keburukan yang timbul daripada pemerintah di samping kebaikannya samalah dengan hujan yang merupakan siraman Allah Ta'ala serta berkat yang turun dari langit dengan membawa kehidupan bagi bumi dan isinya. Hujan mungkin menyebabkan gangguan kepada pengembara serta menyebabkan bangunan runtuh. Ia melahirkan petir serta banjir yang memusnahkan manusia, binatang ternak dan bekalan. Laut akan menjadi berombak yang boleh membahayakan pelayar. Namun semua ini tidak menghalang manusia menilai nikmat yang besar



yang dibawa oleh hujan dan mensyukurinya dengan melupakan perkara-perkara buruk yang tidak dapat dipisahkan daripada sifat makhluk – apabila mereka melihat kesan-kesan nikmat Allah pada bumi yang subur, tumbuhan yang hidup, rezeki yang melimpah ruah serta rahmat yang mencurah. Iaitu apabila mereka membesarkan nikmat tuhanNya dan mensyukurinya dengan itu lupalah mereka daripada mengingati bahaya tersebut dan jadilah mereka orang yang mengingati sifat pencipta.”

Imam al-Fakh al-Razi dalam *al-Arba'in fi Usul al-Din* menyatakan:

لا نِزَاعُ فِي أَنْ هَذِهِ الْمَحْذُورَاتِ قَدْ تَحْصُلُ لَكِنْ كُلُّ عَاقِلٍ  
يَعْلَمُ أَنَّهُ إِذَا قُوبِلَتِ الْمَفَاسِدُ الْحَاصِلَةُ مِنْ عَدَمِ الرَّئِيسِ  
الْمُطَاعِ بِالْمَفَاسِدِ الْحَاصِلَةِ مِنْ وُجُودِهِ فَالْمَفَاسِدُ الْحَاصِلَةُ مِنْ  
عَدَمِهِ أَزِيدَ بِكَثِيرٍ مِنَ الْمَفَاسِدِ الْحَاصِلَةِ مِنْ وُجُودِهِ وَعِنْدَ  
وُقُوعِ التَّعَارُضِ تَكُونُ الْعِبْرَةُ بِالرَّجْحَانِ فَإِنْ تَرَكَ الْخَيْرَ الْكَثِيرَ  
لِأَجْلِ الشَّرِّ الْقَلِيلِ شَرٌّ كَثِيرٌ.

**Maksudnya:** “Tidak mempertikaikan keburukan-keburukan yang disebutkan itu akan berlaku, tetapi setiap orang berakal mengetahui bahawa keburukan yang terbit daripada ketiadaan pemerintah yang ditaati jika dibandingkan dengan keburukan yang lahir daripada kewujudan pemerintah maka keburukan yang terbit daripada ketiadaan pemerintah jauh lebih bahaya daripada keburukan yang lahir daripada kewujudan pemerintah.

Jika berlaku pertembungan (antara kebaikan dan keburukan), maka yang dimenangkan ialah pihak yang mana yang lebih berat. Ini kerana meninggalkan kebaikan yang banyak kerana keburukan yang sedikit adalah satu keburukan yang besar.”

Fuhdhail bin 'Iyadh berkata:

جَوْرُ سِتِّينَ سَنَةً خَيْرٌ مِنْ هَرَجِ سَاعَةٍ

**Maksudnya:** "Kezaliman daripada pemerintah selama enam puluh tahun lebih baik daripada kekacauan seketika kerana ketiadaan pemerintah".

Ibnu Taimiyah dalam *Minhaj al-Sunnah* menyatakan:

إن الفوضى في ساعة يحدث فيها من الظلم ما لا يحدث في  
استبداد سنين

**Maksudnya:** "Sesungguhnya kekacauan seketika (kerana ketiadaan pemerintah menjadi sebab) akan berlakunya kezaliman lebih banyak daripada apa yang berlaku bertahun-tahun di bawah pemerintahan yang zalim."

Perkembangan mutakhir yang berlaku di negara-negara yang mengalami kehancuran pemerintahan membuktikan kebenaran kata-kata para ulama' di atas.

## Kewajipan Taat Kepada Pemerintah

Segala kebaikan daripada kewujudan pemerintah yang diperkatakan sebelum ini tidak akan terhasil tanpa ketaatan daripada pihak yang diperintah. Oleh yang demikian, para ulama' memberikan perhatian khusus kepada kewajipan ini sesuai dengan dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Imam Syihabuddin al-Absyih dalam kitabnya ***al-Mustatraf*** menyatakan:

إِعلم – أرشدني الله وإياك إلى الإِتباع وَجَنَّبَنَا الزِيغ والإِبداع  
– أن من قواعد الشرعية المطهرة والملة الحنيفية المحرزة أن  
طاعة الأئمة فرضٌ على كل الرعية وأن طاعة السلطان تؤلف  
شمل الدين وتنظم أمور المسلمين وأن عصيان السلطان يهدم  
أركان الملة وأن أرفع منازل السعادة طاعة السلطان وأن طاعته  
عصمة من كل فتنة .

**Maksudnya:** “Ketahuilah olehmu – semoga Allah memberi taufik kepada saya dan anda untuk mengikut Sunnah dan menjauhkan kita daripada penyelewengan dan bid'ah. Sesungguhnya sebahagian daripada kaedah syar'iyah Islamiyyah yang suci dan agama yang benar serta terpelihara ini ialah bahawa taat kepada pemerintah adalah kewajipan fardu ke atas seluruh rakyat. Sesungguhnya taat kepada pemerintah itu akan mengukuhkan agama dan menjamin ketertiban dalam urusan kehidupan umat Islam. Manakala menderhaka kepada pemerintah pula boleh meruntuhkan asas-asas agama. Ketahuilah juga bahawa tingkatan kebahagiaan yang tertinggi ialah taat kepada pemerintah di samping ianya menjadi penyelamat daripada segala kehancuran...”

Menurut Sheikh Mahmud al-Khalidi:

انْعَقَدَ اِجْمَاعُ اَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ عَلَى وُجُوبِ السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ  
لِوَلِيِّ الْأَمْرِ وَالْمَسْئُولِينَ وَالتَّقْيِيدِ بِالْإِنْظِمَةِ وَالْقَوَانِينِ فِيمَا لَيْسَ  
فِيهِ مَخَالَفَةٌ لِلنُّصُوصِ الشَّرْعِيَّةِ... وَأَصْرَحَ دَلِيلُ ذَلِكَ آيَةُ  
الْأَمْرَاءِ فِي كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَهِيَ قَوْلُهُ سُبْحَانَهُ (يَأَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ...)

**Maksudnya:** "Ahli Sunnah wa al-Jamaah telah bersepakat menyatakan bahawa wajib mendengar dan taat kepada pemerintah, pihak berkuasa, berpegang kepada sistem dan undang-undang selama ia tidak bertentangan dengan nas-nas syarak. Dalil paling jelas adalah ayat umara' seperti yang terdapat dalam al-Quran iaitu Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah rasul-Nya dan pemimpin dari kalangan kamu..."

Setelah memetik ayat di atas daripada Surah al-Nisa', ayat 59, Imam al-Mawardi menyatakan dalam **al-Ahkam al-Sultaniyyah**:

فَفَرَضَ عَلَيْنَا طَاعَةَ أُولِي الْأَمْرِ فِينَا وَهُمْ الْأئِمَّةُ الْمُتَأَمَّرُونَ  
عَلَيْنَا

**Maksudnya:** "Maka Allah Ta'ala mewajibkan kepada kita untuk taat kepada ulil amri di kalangan kita. Mereka ialah pemimpin negara yang menjadi pemerintah kita."

Al-Imam Abu Bakar al-Turtusyi menyatakan:

طَاعَةُ الْأئِمَّةِ هُدًى لِمَنْ اسْتَضَاءَ بِنُورِهَا وَمَوْئِلٌ لِمَنْ حَافِظٌ  
عَلَيْهَا. الْخَارِجُ مِنَ الطَّاعَةِ مُنْقَطِعُ الْعِصْمَةِ بِرِيءٍ مِنَ الذِّمَّةِ

مُبَدِّل بِالْكَفْرِ النِّعْمَةَ . طَاعَةَ الْأُمَّةِ حَبْلُ اللَّهِ الْمَتِينِ وَدِينَهُ  
الْقَوْمِ وَجُنَّتْهُ الْقَوَاقِيهِ وَكَفَايَتِهِ الْعَالِيَةِ .

**Maksudnya:** "Taat kepada pemerintah adalah petunjuk bagi orang yang menjadikan cahayanya sebagai penyuluh, tempat berlindung bagi mereka yang memeliharanya. Orang yang keluar daripada sempadan taat, tersingkir ia daripada perlindungan Allah, terlepas daripada jaminannya. Taat kepada pemerintah adalah tali Allah yang kukuh, agama-Nya yang lurus, perisai-Nya yang melindungi dan pemeliharaan-Nya yang tinggi."

Selain daripada ayat al-Quran, terdapat hadis-hadis Rasulullah SAW berhubung dengan kewajipan taat ini. Antaranya:

Abu Umamah meriwayatkan: "Aku mendengar Rasulullah SAW berkhotbah pada Haji Wida', sabdanya:

إِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي وَلَا أُمَّةَ بَعْدَكُمْ إِلَّا فَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَصَلُّوا  
حَمْسَكُمْ وَصُومُوا شَهْرَكُمْ وَأَدُّوا زَكَاةَ أَمْوَالِكُمْ طَيِّبَةً بِهَا  
أَنْفُسُكُمْ وَأَطِيعُوا أَمْرًا تَدْخُلُوا رَبِّكُمْ .

**Maksudnya:** "Sesungguhnya tiada Nabi selepasku, tiada umat selepas kamu. Demi sesungguhnya beribadatlah kepada tuhanmu, tunaikanlah solat lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadhan, tunaikanlah harta kamu dengan ikhlas hatimu dan taatilah pemerintah-pemerintah kamu nescaya kamu akan masuk syurga Tuhanmu." "

(Hadis riwayat Ahmad, Tarmizi, Ibn Hibban dan at-Tabrani)

Abdullah Bin Umar meriwayatkan daripada Rasulullah SAW, sabdanya:

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبُّ وَكَرِهَ إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ  
بِمَعْصِيَةٍ فَإِنَّ أَمْرًا بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَطَاعَةَ

**Maksudnya:** “Wajib ke atas setiap Muslim dengar dan taat pada sebarang perintah sama ada ia suka atau tidak, melainkan ia diperintah melakukan maksiat. Jika ia diperintah berbuat maksiat maka tidak wajib dengar dan taat.”

Imam al-Qal'i dalam huraianya terhadap hadis ini menyatakan:

ولا يَفْهَمُ مِنْ ذَلِكَ أَنَّهُ إِذَا أَمَرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا يَسْمَعُ لَهُ مَطْلَقًا فِي  
كُلِّ أَوْ أَمْرِهِ بَلْ يَسْمَعُ لَهُ وَيَطَاعُ مَطْلَقًا إِلَّا فِي الْمَعْصِيَةِ فَلَا يَسْمَعُ  
وَلَا طَاعَةَ

**Maksudnya:** “Tidak boleh difahami daripada maksud hadis itu bahawa jika pemerintah menyuruh perbuatan maksiat maka semua perintahnya tidak dipatuhi sama sekali, malah semua perintahnya wajib didengar dan ditaati melainkan perintah maksiat maka tidak wajib didengar dan ditaati.”

Imam Abi al-'Iz dalam **Syarh al-'Aqidah al-Tohawiyyah** menyatakan:

أَمْ لَزُومٌ طَاعَتِهِمْ وَإِنْ جَارُوا فَلْأَنَّهُ يَتَرْتَّبُ عَلَى الْخُرُوجِ عَنْ  
طَاعَتِهِمْ مِنَ الْمَفَاسِدِ أَضْعَافٌ مَا يَحْصُلُ مِنْ جَوْرِهِمْ بَلْ فِي  
الصَّبْرِ عَلَى جَوْرِهِمْ تَكْفِيرُ السَّيِّئَاتِ

**Maksudnya:** “Ada pun hikmah wajib mentaati para pemerintah sekalipun mereka melakukan kezaliman ialah kerana penderhakaan akan menimbulkan kerosakan yang lebih besar daripada kerosakan yang timbul akibat daripada kezaliman mereka. Sebaliknya kesabaran dalam menghadapi kezaliman mereka membersihkan dosa dan menambahkan pahala.”

Pandangan ulama' ini berdasarkan petunjuk Rasulullah SAW dalam beberapa hadis. Antaranya:

'Adiy Bin Hatim menyatakan: “Kami berkata kepada Rasulullah SAW:

يا رسول الله لا نسألك عن طاعة من اتقى ولكن من فعل  
وفعل - فذكر الشر - فقال : اتقوا الله واسمعوا وأطيعوا

**Maksudnya:** “Wahai Rasulullah, kami tidak bertanya kepadamu tentang taat kepada pemerintah yang bertaqwa tetapi yang melakukan itu dan ini – ia menyebut kejahatan – Rasulullah SAW bersabda: Bertaqwalah kepada Allah dan dengar serta taati pemerintah”.

”

‘Auf bin Malik meriwayatkan sabda Rasulullah SAW:

وَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْ وَلَا تِكُمْ شَيْئًا تَكْرَهُونَهُ فَكْرَهُوا عَمَلَهُ وَلَا  
تنزعوا يدا من طاعة

**Maksudnya:** “Dan apabila kamu melihat sesuatu yang tidak baik pada pemerintah kamu, hendaklah membenci amalannya dan jangan kamu menderhaka.”

## Kesahihan Pemerintah

Persoalan ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kewajipan taat kepada pemerintah. Kebanyakan tindakan penderhakaan terhadap pemerintah Islam di sepanjang zaman berpunca daripada pandangan bahawa pemerintah yang ada tidak sah di sisi syara'. Dengan itu ia tidak wajib ditaati malah perlu ditentang.

Memandangkan persoalan ketaatan ini begitu besar sama ada dilihat daripada segi hukum agama mahupun kesan-kesannya terhadap umat Islam, para ulama' dalam kajian mereka memberikan perhatian berat terhadap persoalan kesahihan pemerintah yang melahirkan kewajipan taat.

Menurut Imam as-Syafi'i:

كل من غلب على الخلافة بالسيف حتى يسمى خليفة ويجمع  
الناس عليه فهو خليفة

**Maksudnya:** "Sesiapa yang menguasai pemerintahan dengan cara kekuatan hingga ia dipanggil pemerintah dan ia menarik sokongan orang ramai maka ia adalah pemerintah yang sah."

(Rujuk Manaqib as-Syafi'i)

Imam Ahmad Bin Hanbal berkata:

من غلب عليهم بالسيف حتى صار خليفة وسمى أمير  
المؤمنين فلا يحل لأحد يؤمن بالله واليوم الآخر أن يبيت ولا  
يراه إماماً براً كان أو فاجراً

**Maksudnya:** "Sesiapa mendapat kuasa melalui kekuatan hingga ia menjadi pemerintah dan dipanggil pemerintah orang Islam, maka tidak halal bagi sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat berada semalam atau pun tanpa mengiktirafnya sebagai pemerintah sama ada ia seorang yang baik"



Imam al-Nawawi dalam kitabnya **Raudah al-Talibin** menyatakan:

... فإن لم يكن جامعا للشرائط بأن كان فاسقا أو جاهلا  
فوجهان أصحهما : انعقادها لما ذكرناه

**Maksudnya:** "... jika pemimpin yang mendapat kuasa tidak memenuhi syarat-syarat menjadi pemerintah seperti seorang yang fasik atau tidak berilmu maka terdapat dua pandangan. Pandangan yang lebih sah ialah ia sah sebagai pemerintah umat Islam."

Berkata Ibn Hajar dalam Fath al-Bari:

وقد أجمع الفقهاء على وجوب طاعة السلطان المتغلب  
والجهاد معه... ولم يستثنوا من ذلك إلا إذا وقع من السلطان  
الكفر الصريح

**Maksudnya:** "Para ulama' secara ijma' berpendapat wajib taat kepada pemerintah yang telah berjaya beroleh kuasa dan berjihad bersamanya...mereka tidak mengecualikan daripada kewajipan ini melainkan jika berlaku perbuatan kufur yang nyata."

Ibnu Taimiyyah dalam **Manhaj al-Sunnah** menyebut:

والإمام الذي يطاع هو من كان له سلطان سواء كان عادلا أو  
ظالما لكن لا يطاع أحد في معصية الله عز وجل

**Maksudnya:** "Pemerintah yang dipatuhi adalah pemerintah yang mempunyai kuasa sama ada adil atau zalim tetapi tidak ditaati sesiapa pun dalam perkara maksiat kepada Allah."

Imam Ahmad Bin Handal menyatakan:

من ولى الخلافة فاجتمع عليه الناس ورضوا به فهو خليفة

**Maksudnya:** “Sesiapa yang menyandang jawatan pemerintah lalu orang ramai menyokong dan menerimanya maka ia adalah pemerintah yang sah.”

Berasaskan huraian-huraian yang dibuat oleh para ulama' di atas, tidak syak lagi bahawa pemerintah Malaysia hari ini adalah sah di sisi hukum syara' dan wajib ditaati kerana kerajaan yang ada pada hari ini beroleh kuasa dengan persetujuan majoriti umat.

Imam Ahmad Bin Hanbal meriwayatkan daripada Abdullah bin Abi Aufa, sabda Rasulullah SAW:

عليك بالسواد الأعظم (مرتين) إن كان السلطان يسمع منك  
فأته في بيته فأخبره بما تعلم فإن قبل منك وإلا فدعه فإنك  
لست بأعلم منه

**Maksudnya:** “Hendaklah kamu berada bersama kelompok umat terbesar (dua kali) Jika pemerintah ingin mendengar pandangan kamu datanglah ke rumahnya dan beritahu kepadanya apa yang kamu tahu. Jika ia terima (maka ia satu kebaikan) tetapi jika tida diterima maka beredarlah kerana kamu bukanlah lebih tahu daripadanya.”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah & Ahmad)

'Arfajah meriwayatkan daripada Rasulullah SAW, sabdanya:

يد الله مع الجماعة والشيطان مع من خالف يركض

**Maksudnya:** “Pertolongan Allah bersama jamaah dan syaitan menunggang bersama mereka yang menentang jamaah”

(Hadis Riwayat at-Tabrani)

Huzaidah al-Yamani R.A meriwayatkan daripada Rasulullah SAW, sabdanya:

من فارق الجماعة واستذلَّ الإمارة لقي الله ولا وَجَهَ له عنده

**Maksudnya:** “Sesiapa yang menentang jamaah Muslimin dan menghina kerajaan, ia menemui Allah tanpa sebarang hujah (yang boleh mempertahankan tindakannya) di sisi Allah.”

(Hadis Riwayat Ahmad dan al-Hakim)

Malah persoalan jamaah Muslimin ini ada kaitan dengan penerimaan dan penolakan amalan serta nasib seseorang di akhirat. Ibnu ‘Abbas R.A meriwayatkan daripada Rasulullah SAW sabdanya:

مَنْ عَمِلَ فِي الْجَمَاعَةِ فَأَصَابَ قَبْلَ اللَّهِ مِنْهُ وَإِنْ أَخْطَأَ غَفَرَ لَهُ  
وَمَنْ عَمِلَ يَبْتَغِي الْفُرْقَةَ فَأَصَابَ لَمْ يَقْبَلْ مِنْهُ وَإِنْ أَخْطَأَ  
فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعِدَ مَنَةِ النَّارِ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang beramal dalam jamaah dan amalannya betul, Allah terima daripadanya. Jika tersalah, Allah ampunkan dia. Sesiapa yang beramal mencari perpecahan dan amalannya betul, Allah tidak akan terima daripadanya. Jika amalannya salah, maka hendaklah ia bersiap untuk mengambil tempat dalam neraka.”

(Hadis Riwayat at-Tabrani)

Perkataan “**jamaah**” digunakan dengan berbagai-bagai pengertian mengikut konteks. Dalam konteks **ilmu pemerintahan** atau *siyasa al-syar’iyyah*, ia membawa makna **pemerintah yang berkuasa beserta umat yang bersatu dengan mereka** seperti yang disebut oleh Imam al-Tabari:

إن المراد من الخبر لزوم الجماعة الذين في طاعة من اجتمعوا  
على تأميرة فمن نكث ببيعته خرج عن الجماعة

**Maksudnya:** “Yang dimaksudkan oleh hadis ini ialah menyertai kumpulan umat dalam mentaati pemerintah yang mereka bersepakat melantiknya.

*Sesiapa yang membatalkan kesetiaannya seperti ia telah keluar daripada jamaah.”*

Imam al-Syatibi dalam ***al-I'tisam*** menyatakan:

أَنَّ الْجَمَاعَةَ جَمَاعَةٌ الْمُسْلِمِينَ إِذَا اجْتَمَعُوا عَلَى أَمِيرٍ

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan jamaah ialah kumpulan manusia yang bersatu dengan pemerintah.*”

Memandangkan begitu penting persoalan jamaah ini dalam kehidupan Muslim, Saidina Umar R.A. menyatakan:

لَا إِسْلَامَ بِلَا جَمَاعَةٍ وَلَا جَمَاعَةً بِلَا أَمِيرٍ وَلَا أَمِيرًا بِلَا طَاعَةٍ

**Maksudnya:** “*Tidak sempurna Islam tanpa jamaah, tidak sempurna jamaah tanpa pemerintah dan tidak sempurna pemerintah tanpa taat.*”

## Kepentingan Ulama' Dalam Pembentukan Ummah

Salah satu daripada golongan penting yang membentuk jamaah Muslimin ialah golongan ulama'. Merekalah yang bertanggungjawab memastikan jamaah tersebut mengikut jalan yang lurus dalam perjalanan menuju matlamat yang digariskan oleh Islam iaitu keredhaan Allah di dunia dan di akhirat.

Hal ini kerana mereka mewarisi ilmu dan perjuangan para anbiya' dan dalam konteks ini mereka laksana bintang-bintang di langit yang menjadi panduan para pelaut dalam pelayaran mereka.

Abu al-Darda' meriwayatkan daripada Rasulullah SAW sabdanya:

فضل العالم على العابد كفضل القمر ليلة البدر على سائر الكواكب وإن العلماء ورثة الأنبياء وإن الأنبياء لم يورثوا دينارا ولا درهما ولكنهم ورثوا العلم فمن أخذه أخذ بحط وافر

**Maksudnya:** "Kelebihan orang alim berbanding orang 'abid (ahli ibadat) seperti kelebihan bulan purnama berbanding bintang-bintang yang lain. Sesungguhnya para ulama' adalah pewaris ilmu para anbiya' dan para anbiya' tidak meninggalkan warisan dinar dan dirham tetapi meninggalkan warisan ilmu. Sesiapa yang mengambilnya ia akan mengambil habuan yang lumayan."

(Hadis Riwayat Ahmad, Abu Daud, Tarmizi dan ad-Darimi)

Anas Bin Malik R.A meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

إنما مثل العلماء في الأرض كمثل النجوم في السماء يهتدى بها في ظلمات البر والبحر فإن انطمست النجوم أو شك أن تضل الهداة

**Maksudnya:** “Perbandingan ulama’ di muka bumi adalah laksana bintang-bintang di langit yang dijadikan panduan dalam kegelapan malam, sama ada di darat atau di laut. Apabila bintang tiada, para pemandu jalan akan tersesat.”

Memandangkan ketiga-tiga golongan tersebut sangat penting dalam pembentukan jamaah Muslimin yang mengikut Saidina Umar R.A, kesempurnaan Islam tidak dapat dizahirkan tanpanya, maka hubungan antaranya begitu penting. Bagi menjamin keutuhan jamaah Muslimin, syara’ menentukan **nasihat** sebagai **kaedah utama dalam hubungan antara mereka.**

Tamim Bin Aus R.A meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

إن الدين النصيحة ولكتابة ولسوله ولأئمة المسلمين  
وعامتهم

**Maksudnya:** “Sesungguhnya asas hubungan dalam agama adalah nasihat, iaitu bagi (mentaati) Allah dan Rasul-Nya, bagi (menolong) para pemerintah umat Islam dan rakyat amnya.”

Abu Hurairah R.A. meriwayatkan dariapda Rasulullah SAW, sabdanya:

إن الله يرضى لكم ثلاثا: يرضى لكم أن تعبدوه ولا تشركوا  
به شيئا وأن تعتصموا بحبل الله جميعا ولا تفرقوا وأن تناصحوا  
من ولاه الله أمركم

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah redha bagi kamu sekalian tiga perkara: Allah redha kamu bahawa kamu beribadat kepada-Nya dan tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu dan bahawa kamu semua berpegang teguh dengan kitab Allah dan jangan berpecah belah dan bahawa kamu nasihat menasihati orang yang dilantik oleh Allah menjadi pemerintah kamu.”

Menurut Syeikh 'Aqil Muhammad al-Maqtiri bahawa makna tersirat daripada susunan kata:

(الدين النصيحة) أي هي عماد الدين وقوامه كقوله: الحج  
عرفة

**Maksudnya:** “(Agama itu nasihat) yakni nasihat adalah tiang agama dan penegaknya seperti susunan kata, Haji itu wuquf di ‘Arafah”.

Sebelum memahami lebih lanjut maksud nasihat terhadap pemerintah dan yang diperintah terlebih dahulu kita perlu memahami makna perkataan nasihat.

Menurut al-Khatabi:

النصيحة كلمة يعبر بها عن جملة هي: اراده الخير للمنصوح  
له

**Maksudnya:** “Nasihat ialah satu perkataan yang dipakai bagi menerangkan sejumlah makna iaitu inginkan kebaikan untuk pihak yang dinasihat”.

Muhammad Bin Nasr ketika menjelaskan makna nasihat untuk para pemerintah umat Islam berkata:

أما النصيحة لأئمة المسلمين: فحب صلاحهم ورشدهم  
وعدلم، وحب اجتماع الأمة عليهم، وكراهة افتراق الأمة  
عليهم والتدين بطاعتهم في طاعة الله عز وجل

**Maksudnya:** “Adapun pengertian nasihat kepada para pemerintah umat Islam ialah: ingin supaya mereka menjadi baik, mendapat petunjuk dan berlaku adil, suka umat bersatu di bawah pemerintahan mereka dan tidak berpecah belah dan mentaati mereka adalah ketaatan kepada Allah azza wajalla.”

Manakala Abu 'Amr Bin as-Salah pula menyatakan:

أما النصيحة لأئمة المسلمين: معاونتهم على الحق وطاعتهم  
فيه وتذكيرهم به وتنبيههم في رفق ولطف ومجانبة الوثوب  
عليهم والدعاء لهم بالتوفيق وحث الأغيار على ذلك

**Maksudnya:** “Nasihat untuk para pemerintah umat Islam ialah membantu mereka dalam perkara yang benar, taat kepada mereka pada perkara yang benar, mengingatkan mereka tentang kebenaran, menegur mereka dengan cara yang lemah lembut, menjauhkan diri daripada bertindak menentang mereka, menggalakkan orang ramai berbuat demikian”.

Manakala nasihat pemerintah terhadap rakyat pula dihuraikan oleh Imam al-Turtusyi dengan katanya:

للرعية على السلطان الاستصلاح لهم والتعهد لأموارهم  
وحسن السيرة فيهم والعدل عليهم والتعديل بينهم

**Maksudnya:** “Hak rakyat yang perlu ditunaikan oleh pemerintah ialah memperbaiki kehidupan rakyat, mengambil berat urusan mereka, baik tingkah laku dengan rakyat, berlaku adil dan memastikan mereka mendapat keadilan.”



## Penutup

Daripada huraian-huraian para ulama' yang dipaparkan di atas, dapat disimpulkan bahawa **dalam rangka menjaga kepentingan agama** dan kedaulatan ummah, **nasihat wajib menjadi kaedah utama** dalam hubungan kelompok ummah yang membentuk jamaah Muslimin. Ia perlu diperkasa setiap masa, lebih-lebih lagi oleh kalangan ahli agama dan ilmuan terhadap pemerintahan seperti yang disebut oleh Imam al-Turtusyi:

أولى الناس بطاعة السلطان ومناصحته أهل الدين والنعم  
والمروآت إذ لا يقوم الدين إلا بالسلطان

**Maksudnya:** "Manusia yang paling utama taat kepada pemerintah dan menasihatinya ialah ahli agama dan mereka yang mendapat nikmat serta golongan yang bermaruah kerana gama tidak boleh tegak tanpa kuasa pemerintah".

والله أعلم بالصواب

## Rujukan (ثبت المراجع)

١. القرآن الكريم
٢. الحديث النبوي الشريف
٣. النظام السياسي في الإسلام – النظرية السياسية نظام الحكم، (١٩٩٩)  
عبد العزيز عزت الخيط، الدكتور، القاهرة: دار السلام للطباعة والنشر  
والتوزيع والترجمة
٤. منهج السنة في العلاقة بين الحاكم والمحكوم (١٩٨٦) يحيى  
إسماعيل، الدكتور، المنصورة: دار الوفاء للطباعة والنشر  
والتوزيع
٥. الجامع الصغير
٦. فقه السياسة الشرعية في ضوء القرآن والسنة وأقوال سلف الأمة  
– بحوث في نظام السياسي الإسلامي مع ملحق فتاوى السياسة  
الشرعية للعلماء الأجلاء: ابن باز، ابن عثيمين، الفوزان (٥١٤١٨)  
خالد بن علي بن محمد العنبري، الرياض

٧. جامع العلوم والحكم في شرح خمسين حديثا من جوامع الكلم

(١٩٩٦) ابن رجب الحنبلي الدمشقي تحقيق عبد الله المنشاوي،

المنصورة: مكتبة الإيمان

٨. سراج الملوك (١٩٩٤) أبي بكر محمد بن الوليد لفهري

الطرطوشي تحقيق شوقي ضيف، الدكتور، القاهرة: لدار المصرية

اللبانية، المجلد الأول

٩. المسطرف في كل فن مستطرف (١٩٩٩) شهاب الدين محمد بن

أبي الفتح الأبيشي تحقيق سعيد محمد اللحم، بيروت: عالم

الكتب

١٠. قواعد في التعامل مع العلماء (١٩٩٤) عبد الرحمن بن المعلا

اللويحق، السعودية: دار الوراق

١١. الأحكام الفراء الحنبلي تعليق محمد حامد الفيافي، بيروت: دار

الكتب العلمية

١٢. فقه النصيحة (١٩٩٦) عقيل بن محمد المقطري، بيروت: دار ابن

حازم

١٣. الأحنام السلطانية والولايات الدينية (١٩٩٦) أبي الحسن علي

بن محمد بن حبيب البصري البغدادي الماوردي تحقيق عصام

فارس الحرستاني ومحمد إبراهيم الزغلي، بيروت: المكتب

الإسلامي

١٤. قواعد نظام الحكم في الإسلام (٢ ط ١٩٨٣) محمود الخالدي،

الدكتور، الأردن: جامعة اليرموك، الناشر: مكتبة المحتسب